

Rakyat perlu taat setia kepada negara bukan kerajaan – Mahathir

KUALA LUMPUR 2 Sept. — Perdana Menteri, Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad menegaskan rakyat perlu menumpukan kesetiaan kepada negara dan bukan kerajaan kerana kerajaan adalah sesuatu yang tidak kekal dan mungkin bertukar.

Katanya, jika seseorang itu setia kepada negara tentu dia akan menyokong sesiapa sahaja yang menjaga negara dengan baik.

“Kalau kerajaan menjaga dan memerintah dengan baik, tentunya kesetiaan akan tertumpu kepada kerajaan semasa,” tegas beliau.

Perdana Menteri berkata demikian ketika ditanya tentang kebimbangan bahawa pelaksanaan program penswastaan boleh mengakibatkan kesetiaan rakyat terhadap kerajaan berkurangan dalam rancangan “Bersama Perdana Menteri” yang disiarkan oleh RTM malam ini.

Dalam hubungan itu, Dato' Sri Dr. Mahathir berkata, kerajaan tidak dapat mengelak dari terus melaksanakan program penswastaan.

Menurut beliau, pada masa ini, terdapat perkhidmatan yang merugikan kerajaan dan orang ramai kerana tidak cekap dan pada masa yang

sama, ia dikendalikan dengan kos yang tinggi.

Bagaimanapun, tegas beliau, apabila diswastakan sesuatu perkhidmatan akan menjadi lebih baik dan cepat bertindak kepada sesuatu keadaan.

“Dalam kerajaan, kita tidak boleh bertindak (*react*) dengan segera kerana struktur kerajaan menghalang ia dilaksanakan dengan segera.

“Umpamanya Syarikat Telekom, kalau ada satu sistem baru ia boleh diperkenalkan dengan cepat tetapi kalau kerajaan, ia mesti melalui peringkat tertentu untuk membuat keputusan sehingga kepada kabinet,” jelas beliau.

Perdana Menteri berkata, jangka masa yang begitu lama untuk membuat keputusan akan melambatkan proses pengenalan sesuatu sistem baru sedangkan teknologi berkembang dengan begitu pesat dan sukar untuk disesuaikan dengan pertumbuhan.

Beliau menegaskan, jika diteliti “trend” di seluruh dunia, perkara yang diutamakan ialah penswastaan.